



UCAPTAMA

YB DATO' SRI HJ ISMAIL BIN HJ ABD. MUTTALIB
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SEMPENA

**ANUGERAH CEMERLANG
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEBANGSAAN 2017**

(National OSH Award 2017)

Tarikh : 16 November 2017
Tempat : Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
Anjuran : Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan (NCOSH)

Dengan kerjasama:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
(JKKP)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kebangsaan (NIOOSH)

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku
Malaysia,

(mohon rujuk senarai protokol)

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu, saya mewakili YB Dato'Sri (Dr) Richard Riot anak Jaem, Menteri Sumber Manusia ingin memohon maaf kepada Ybhg Dato'/Tuan/puan kerana YB Dato'Sri tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Pada malam ini saya akan membacakan teks ucapan dengan telah disediakan bagi pihak YB Dato'Sri.

Ybhg Dato'/Tuan/Puan,

2. Saya amat berbesar hati berada di Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2017 yang juga merupakan acara kemuncak keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) pada tahun ini. Saya berharap majlis ini dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan kerjasama erat hubungan tripartite antara pihak kerajaan, majikan dan pekerja.

OSH Award 2017

Hadirin sekalian,

3. Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan merupakan anugerah keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terunggul dan berprestij di Malaysia. Anugerah KKP ini merupakan manifestasi penghargaan pihak Kerajaan atas usaha dan komitmen tinggi pihak industri dalam menjayakan “Budaya Kerja Selamat dan Sihat” dan “Budaya Pencegahan” di negara ini.

4. Saya difahamkan anugerah cemerlang KKP ini telah melebihi **20 tahun** penganjurannya, dan kini terdapat hampir **500 syarikat/organisasi** di negara ini telah pun diiktiraf dan dinobatkan sebagai pemenang dalam pelbagai kategori. Pada malam ini, seramai **24 pemenang** lagi akan diumumkan dan jumlah mereka yang cemerlang dalam KKP ini semakin bertambah dan berkembang. Ini membuktikan bahawa usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan selama ini telah membuahkan hasil di mana ianya berjaya membentuk dan memupuk pihak majikan dan pekerja di negara ini supaya peka dengan isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Ianya secara tidak langsung akan mentransformasikan persekitaran tempat kerja mereka menjadi lebih kondusif, selamat dan sihat. TAHNIAH dan SYABAS saya ucapkan.

5. Justeru itu, saya berpendapat dalam usaha kita memperbaiki lagi tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

(KKP) di negara ini, saya ingin mengesyorkan supaya para pemenang anugerah yang sudah menggunakan Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ini menjalankan tanggungjawab sosial mereka dengan membantu menaikkan taraf pengurusan KKP syarikat/organisasi yang lain ke satu tahap yang lebih baik. Para pemenang ini boleh bertindak sebagai '*role model*' atau mentor dengan berkongsi pengalaman dan '*best practices*' kepada syarikat yang lain. Kerjasama bersepadu dan bestari daripada para pemenang anugerah dan syarikat-syarikat ini akan membantu dalam mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.

Pencapaian Cemerlang KKP

Para hadirin sekalian,

6. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) tidak boleh dipertikaikan lagi dalam pelaksanaan setiap aktiviti pekerjaan oleh para majikan daripada pelbagai sektor di negara ini. Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlulah disediakan agar pekerja dapat menjalankan tugas dengan selesa, selamat dan sihat.

7. Mengimbau kembali pada **tahun 2005** sebanyak **51,829 kemalangan industri telah dilaporkan**. Bilangan kemalangan

ini apabila diterjemahkan kepada **kadar kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja**, kadarnya adalah sebanyak **6.93** manakala **kadar kemalangan tempat kerja bagi setiap 1,000 pekerja** adalah sebanyak **5.16**. Bagi menurunkan bilangan dan kadar kemalangan industri negara secara strategik, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui JKPP telah melaksanakan Pelan Strategik KKP 2006-2010 dan Pelan Induk KKP 2011-2015 (OSHMP 15).

8. Melalui pelaksanaan kedua-dua pelan tersebut jumlah kemalangan yang telah dilaporkan dalam **tahun 2016** telah menurun kepada **41,005 kes**. Penurunan bilangan kemalangan ini seterusnya telah menurunkan **kadar kemalangan maut untuk setiap 100,000 pekerja** kepada **4.84** manakala **kadar kemalangan di tempat kerja untuk setiap 1,000 pekerja** menurun kepada **2.88**.

9. Saya percaya penurunan ini mencerminkan komitmen tinggi dan usaha bersama antara Kerajaan, majikan dan pekerja dalam menurunkan kadar kemalangan di tempat kerja. Pencapaian positif ini tidak akan dicapai tanpa usaha yang bersungguh-sungguh oleh semua pihak *OSH Key Players*. Justeru itu, saya menggesa agar lebih banyak kerjasama strategik (*engagement*) dijalankan bersama JKPP dan

MNKKP dengan pihak Industri, badan professional dan juga Institusi pendidikan.

10. *Enggagement* dan kerjasama strategik ini sebenarnya dapat memberi banyak manfaat kepada semua pihak yang terlibat kerana dapat berkongsi sumber, pengalaman dan juga kepakaran dalam isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Besarlah harapan saya agar kerjasama antara pihak Kerajaan, majikan dan pekerja dalam aspek KKP ini dapat diperkukuhkan untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan kelestarian tenaga kerja dan juga seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

OSHMP 2020 – Ke arah Pembentukan Budaya Pencegahan

Hadirin yang dihormati,

11. Kerajaan menyedari perubahan struktur ekonomi memberi kesan secara langsung terhadap struktur pasaran buruh seperti kewujudan bidang pekerjaan baharu dan juga hubungan pekerjaan baharu (*new employment relationship*) yang lebih kompleks. Perubahan ini menjadikan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) semakin kritikal termasuklah kemunculan bahaya-bahaya baharu dalam pekerjaan (*new occupational hazards*). Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan standard keselamatan dan kesihatan

pekerjaan (KKP) dikaji dan dirangka supaya seiring dengan keperluan semasa.

12. Bagi memantapkan lagi sistem pengurusan KKP di negara kita, Kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 atau dikenali juga sebagai *Occupational Safety and Health Master Plan 2020* (OSH-MP 2020) pada 1 Mei 2016 bersempena dengan sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. OSH-MP 2020 memberi tumpuan menerapkan nilai-nilai Budaya Pencegahan (*Preventive Culture*) bagi memperkukuhkan lagi pembentukan “Budaya Kerja Selamat dan Sihat” di kalangan majikan dan pekerja. Ia merupakan kesinambungan kepada penerapan nilai-nilai “*OSH Ownership*” dan “*Self-Regulation*” dalam 2 pelan induk sebelum ini.

13. Di samping itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengambil inisiatif dengan membangunkan Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi Industri Kecil dan Sederhana (2016-2020) dan juga Pelan Strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Industri Pembinaan (2016-2020). Kedua-dua pelan strategik ini adalah pelan holistik yang mendokong Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP

2020) dengan tujuan untuk menerapkan Budaya Pencegahan dan memperkasakan pengurusan KKP di tempat kerja di kalangan IKS dan juga Industri Pembinaan.

TN50 – Aspirasi Budaya Kerja Selamat dan Sihat

Hadirin yang dihormati,

14. OSHMP 2020 dirangka bagi menyusun strategi dan program untuk melonjakkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) negara ke tahap yang cemerlang setanding dengan negara maju dalam jangka masa lima tahun akan datang. Ini sejajar dengan aspirasi program Transformasi 2050 atau TN50 yang menyasarkan untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

15. Dalam usaha mendukung dan merealisasikan aspirasi ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) telah menganjurkan pelbagai program dan dialog bersama dengan pihak industri, pengamal KKP dan Badan Professional bagi mengumpul pandangan dan cadangan berkaitan aspek KKP. Saya percaya usaha dan inisiatif yang dijalankan ini akan

memberi manfaat dari segi keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada hampir 14 juta pekerja di Negara kita.

Saranan dan Harapan

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Menjadikan tempat kerja selamat, sihat dan bebas dari kemalangan dan penyakit adalah penting kerana ianya akan menyumbang kepada peningkatan tahap persekitaran kerja yang merupakan salah satu komponen kepada Kualiti Hidup Pekerjaan (*Quality Of Working Life*) para pekerja dan produktiviti organisasi. Persekitaran kerja yang sihat dan selamat memberi kesan positif kepada meningkatkan produktiviti para pekerja dan organisasi dan seterusnya akan meningkatkan hasil dan ekonomi Negara. Selain itu, ianya akan memberi kesan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga di Negara ini. Saya secara peribadinya berpendapat, sekiranya kita semua mempunyai pandangan sebegini, usaha bagi mencapai matlamat budaya kerja selamat dan sihat bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi Negara akan menjadi lebih mudah.

17. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak supaya menyokong usaha Kerajaan dalam melaksanakan transformasi KKP di negara ini. Pembentukan budaya kerja selamat dan

sihat tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa kerjasama dan sokongan padu daripada anda semua.

18. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemenang-pemenang Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 pada malam ini. Semoga anugerah ini akan dapat memberi semangat dan aspirasi kepada semua pihak untuk mempertingkatkan aspek KKP bagi membudayakan kerja selamat dan sihat dalam organisasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.